

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

1



Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Tinjauan

Aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi bermula dengan langkah penting yang diambil dalam Bajet 2010. Menyedari hakikat bahawa negara berada di peringkat genting dalam fasa pembangunan serta keperluan membuat perubahan struktur dan minda, Model Baru Ekonomi (NEM) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah dibentangkan pada 30 Mac dan 10 Jun 2010. Bajet 2010 telah menyediakan asas yang kukuh bagi penggubalan NEM dan ia juga merupakan pembuka tirai kepada RMKe-10.

Bajet 2011 akan mempercepatkan lagi agenda transformasi nasional melalui pelbagai strategi dan langkah untuk merancang semula pelaburan swasta, memperkukuh pembangunan modal insan dan meningkatkan produktiviti serta memastikan kesejahteraan rakyat. Strategi dan langkah ini berteraskan empat tonggak program transformasi nasional, iaitu Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan RMKe-10.

Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan adalah berteraskan prinsip perpaduan sosial dan keterangkuman serta keperluan bagi penyampaian perkhidmatan awam pantas kepada rakyat. Sementara itu, GTP yang meliputi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPIs) diperkenalkan untuk memperkukuh penyampaian dan meningkatkan akauntabiliti program sektor awam. Bagi menangani isu yang melibatkan kepentingan rakyat, enam NKRA meliputi jenayah, rasuah, pendidikan, kemiskinan, infrastruktur asas luar bandar dan pengangkutan

awam telah dikenalpasti dengan langkah dan sasaran yang spesifik untuk dilaksanakan dengan segera. ETP dirangka untuk membuat perubahan struktur melalui lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) bagi mengatasi halangan dan mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menggalakkan pertumbuhan. Antara SRI utama ialah merancang semula pelaburan swasta, mengukuhkan penyampaian perkhidmatan sektor awam serta memantapkan sumber dan kemapanan pertumbuhan. Sementara itu, bagi mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi, 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi telah dipilih dan beberapa projek dikenalpasti untuk dilaksanakan.

RMKe-10 merupakan pelan jangka masa sederhana yang pertama untuk melaksanakan GTP dan ETP. Pelan ini akan menggalakkan transformasi struktur yang utama bertujuan untuk meningkatkan persaingan melalui tenaga kerja yang inovatif dan berkemahiran, menghapuskan herotan pasaran dan memperkukuh lagi daya keusahawanan sektor swasta. Sektor awam akan memainkan peranan sebagai pemangkin bagi memudahkan aktiviti sektor swasta, di samping menyampaikan perkhidmatan yang efisien sejajar dengan semangat Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Langkah-langkah ini adalah terbaik bagi memastikan prospek pertumbuhan jangka masa panjang negara dan akan menyumbang kepada pendapatan per kapita yang lebih tinggi di antara USD15,000 dan USD20,000 menjelang tahun 2020. Dalam tempoh terdekat, pada tahun 2010, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 7.0% selepas menguncup 1.7% pada tahun 2009. Pertumbuhan ini disokong oleh

peningkatan pelaburan swasta dan penggunaan yang mantap serta permintaan luar yang kukuh. Pada tahun 2011, ekonomi Malaysia dijangka berkembang di antara 5.0% dan 6.0%, sejajar dengan pertumbuhan global dan perdagangan yang sederhana. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta strategi pro-pertumbuhan dan langkah yang diperkenalkan dalam Bajet 2011.

Penilaian Prestasi 2010

Operasi Fiskal

Pakej rangsangan berjumlah RM67 bilion atau 9.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2009 yang dilaksanakan tepat pada masanya dan menepati sasaran. Langkah ini membolehkan ekonomi Malaysia kembali pulih pada suku keempat 2009 dan seterusnya mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.5% pada separuh pertama 2010. Selaras dengan pemulihan yang menyeluruh dan pertumbuhan yang kukuh, unjuran hasil telah disemak semula ke paras yang lebih tinggi, justeru memperkukuhkan kedudukan fiskal.

Kerajaan komited terhadap langkah konsolidasi fiskal. Defisit fiskal akan dikurangkan kepada 5.6% daripada KDNK (2009: 7.0%) dan sebahagian besarnya akan dibiayai oleh sumber domestik. Perbelanjaan Kerajaan dijangka berjumlah RM206.2 bilion pada tahun 2010 (2009: RM206.6 bilion). Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka kekal stabil pada RM162.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak 2.2% berbanding tahun 2009. Perbelanjaan berhemat akan terus diberi penekanan manakala pelbagai langkah akan diambil untuk mengukuhkan kutipan hasil.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar Monetari

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan dengan kedudukan ekonomi yang kembali pulih dalam suasana inflasi yang rendah. Kadar

dasar semalaman (OPR) telah dinaikkan tiga kali sebanyak 25 mata asas pada bulan Mac, Mei dan seterusnya Julai 2010 iaitu peningkatan daripada 2.00% kepada 2.75%. Penyelarasan OPR mencerminkan prospek ekonomi yang bertambah baik dan bertujuan untuk mencegah berlakunya ketidakseimbangan kewangan, mengelakkan risiko yang tidak setimpal serta menghalang proses pengantaraan kewangan daripada terjejas yang boleh menggugat kemapanan pertumbuhan jangka panjang. Keperluan rizab berkanun (SRR) telah diturunkan daripada 2.00% kepada 1.00% pada Mac 2009 dan terus dikekalkan bagi mengurangkan kos pengantaraan institusi perbankan.

Perkembangan Sektor Kewangan

Sektor perbankan terus berdaya tahan, disokong oleh modal yang kukuh, kualiti aset yang stabil dan kecairan yang tinggi. Bagi mempertingkatkan lagi pembangunan dan daya saing sektor kewangan, lima lesen baru bank komersial telah dikeluarkan pada Jun 2010 berikutan langkah liberalisasi yang diumumkan pada April 2009. Kelima-lima bank ini akan menyumbang kepada kepelbagaian industri perkhidmatan kewangan dan menyokong bidang pertumbuhan baru termasuk teknologi hijau serta memudahkan perdagangan antarabangsa, menarik pelaburan ke Malaysia dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di dalam sektor kewangan.

Pada 18 Ogos 2010, Bank Negara Malaysia (BNM) melonggarkan lagi peraturan pertukaran asing dengan membenarkan penyelesaian dagangan barangan dan perkhidmatan dalam ringgit di luar pesisir serta menghapuskan had bagi pengeksport untuk melindungi nilai risiko pertukaran asing. Ini akan membantu pengurusan ketidaksepadanan mata wang dan mengurangkan kos penukaran serta memudahkan lagi pengurusan risiko yang lebih efektif.

Dalam pasaran modal, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengeluarkan satu lesen broker saham untuk terus mempertingkatkan pengantaraan aliran masuk pelaburan. Malaysia turut dikenali sebagai destinasi pelaburan yang

diiktiraf oleh China di bawah skim Pelabur Institusi Domestik Berkelayakan (QDII) untuk syarikat pengurusan dana dan sekuriti dari China melabur dalam sekuriti Malaysia. Skim ini juga akan meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai platform bagi pemerolehan modal, terutamanya syarikat dari China serta memberi peluang kepada pengantara pasaran modal Malaysia untuk menembusi pasaran China.

Strategi Bajet 2010

Bajet 2010 dengan tema “1Malaysia, Kemakmuran Bersama” memberi fokus kepada tiga strategi utama, iaitu memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, memastikan pembangunan holistik dan mapan serta mengutamakan kesejahteraan rakyat. Semua program, projek dan inisiatif di bawah ketiga-tiga strategi ini memberi tumpuan kepada pengukuhan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan, mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan, memperhebatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menggalakkan inovasi dan kreativiti.

Memacu Negara Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi

Merencanakan Pelaburan Swasta

Pelaburan swasta menyusut kepada purata 10.0% daripada KDNK dalam dekad yang lalu berbanding dengan purata 25.0% sepanjang 1990an. Penyusutan pelaburan ini disebabkan oleh kekurangan modal insan mahir, tahap inovasi dan produktiviti yang rendah serta kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, kemunculan negara pengeluar kos rendah seperti China, India dan Vietnam menyebabkan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang rendah. Selaras dengan trend ini, beberapa langkah telah diperkenalkan dalam Bajet 2010 untuk mencergaskan semula pelaburan swasta.

Menyediakan Persekitaran Mesra Perniagaan

Satu nombor rujukan tunggal untuk individu dan syarikat telah diperkenalkan pada 1 September 2009 bagi memudahkan urusan dengan agensi Kerajaan. MyID menggunakan nombor Mykad, sementara MyCoID pula menggunakan nombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Di bawah fasa satu, MyID telah diperkenalkan di Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Pada Julai 2010, kemudahan ini telah diperluas penggunaannya kepada 560 agensi Kerajaan. Pembangunan sistem gerbang MyCoID dijangka siap pada 1 November 2010 dan sistem ini akan mula beroperasi di lima agensi utama iaitu LHDN, KWSP, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan *SME Corporation Malaysia* (SME Corp.).

Bagi menarik individu berbakat dan berkemahiran tinggi dari luar negara, Kerajaan telah mempermudah pemberian taraf pemastautin tetap (PR). Tambahan pula, ahli keluarga ekspatriat yang bekerja dan yang masih di bawah tanggungan akan diberikan visa dalam tempoh tiga hari bekerja, manakala lelaki asing yang berkahwin dengan wanita Malaysia kini layak memohon pas lawatan sosial bagi jangka masa panjang dan juga dibenarkan bekerja di negara ini.

Memandangkan bekalan elektrik tanpa gangguan adalah perlu bagi kelancaran operasi perniagaan, Tenaga Nasional Berhad telah membelanjakan RM4.0 bilion sehingga Julai 2010 untuk melaksanakan projek penjanaan, penghantaran, pengagihan dan perkhidmatan sokongan elektrik. Ini termasuk perbelanjaan kerja awal projek hidroelektrik di Ulu Jelai, Pahang dan Hulu Terengganu, yang dijangka siap menjelang akhir 2015. Sementara itu, *Sabah Electricity Sendirian Berhad* telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik serta memantapkan sistem penghantaran dan pengagihan di Sabah. Usaha ini telah

dapat membantu mengurangkan Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem kepada 552 minit pada Julai 2010 (Julai 2009: 1,362 minit). Di Sarawak pula, beberapa projek telah dikenal pasti bagi meningkatkan pembangunan sektor tenaga. Sehubungan ini, projek empangan hidroelektrik Bakun dijangka beroperasi pada akhir tahun 2010. Empangan Hidroelektrik Murum di Kapit dijangka memulakan operasi pada tahun 2013, sementara kerja-kerja awal bagi projek hidroelektrik di Baram dan Limbang sedang dilaksanakan.

Mempertingkatkan Pelaksanaan Perkongsian Awam-Swasta

Kerajaan kekal komited untuk mengurangkan secara beransur-ansur penglibatannya dalam kegiatan ekonomi, terutamanya aktiviti yang bersaing dengan sektor swasta. Sehubungan ini, perjanjian bagi penswastaan pembangunan Pusat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah ditandatangani pada 21 Disember 2009 dan projek ini dijangka siap menjelang 2014. Sementara itu, pembinaan enam kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Pasir Gudang, Puncak Alam, Tapah, Jasin, Seremban dan Kota Samarahan dijangka siap menjelang 2013. Bagi meningkatkan lagi FDI, Khazanah Nasional Berhad telah berkerjasama dengan beberapa entiti asing termasuk *Marlborough College Overseas Limited*, *Raffles Education Corporation* dan *Netherlands Maritime Institute of Technology*. Tambahan pula, institusi pendidikan, penyelidikan dan perubatan yang ternama di dunia iaitu *Johns Hopkins University* akan menubuhkan sekolah perubatan dan hospital di Malaysia. Sebidang tanah di Serdang, Selangor telah dikenal pasti bagi mendirikan kemudahan tersebut yang akan menjadi hab pendidikan perubatan di rantau ini.

Mempergiat Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan

Asas yang kukuh dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) adalah sangat penting untuk menjadi negara

maju dan berpendapatan tinggi. Justeru, Unit Inovasi Khas ataupun UNIK telah ditubuhkan pada Julai 2010. Kakitangan UNIK yang terdiri dari kalangan profesional di sektor awam dan swasta akan bertanggungjawab mewujudkan persekitaran ekosistem yang kondusif untuk mendorong inovasi, termasuk menggalakkan inovasi dalam sektor awam, universiti dan sistem pendidikan.

Usaha juga telah diambil bagi mengintegrasikan aktiviti R&D dengan pendaftaran paten, hak cipta dan cap dagangan supaya proses R&D&C dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Penambahbaikan proses dan prosedur telah dilakukan bagi mempercepatkan pendaftaran paten, hak cipta dan cap dagangan dalam negara. Sehubungan itu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diberi galakan potongan cukai ke atas perbelanjaan bagi pendaftaran paten dan cap dagangan. Dengan itu, bilangan paten dan cap dagangan yang didaftarkan dalam negara meningkat 8.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Memanfaat Sepenuhnya Bidang Niche

Kerajaan terus komited untuk memperkukuh bidang *niche*. Ke arah itu, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) melalui industri pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), halal, teknologi hijau dan kreatif.

Merancang Industri Pelancongan

Pelancongan merupakan industri yang sedang berkembang pesat dengan ketibaan pelancong dan hasil meningkat 9.0% dan 12.0% setahun dari tahun 2004 hingga 2009. Walaupun persekitaran mencabar pada tahun 2009, di mana kebanyakan negara di serata dunia mengalami penurunan kemasukan pelancong, ketibaan pelancong di Malaysia meningkat 7.3% kepada 23.6 juta

sementara hasil meningkat 7.7% kepada RM53.4 bilion. Pada tahun 2009, *United Nations World Tourism Organisation* telah meletakkan Malaysia di kedudukan ke-9 bagi ketibaan pelancong dan tempat ke-13 dari segi pendapatan.

Usaha sedang dipergiat bagi mengekalkan Malaysia di antara 10 destinasi pelancongan utama, khususnya dengan memberi tumpuan untuk menarik lebih ramai pelancong yang berbelanja besar dan tinggal lama. Selain terus mempromosikan produk pelancongan yang sedia ada seperti eko-pelancongan, pelancongan pendidikan dan pelancongan kesihatan serta program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dan *homestay*, promosi ke atas produk pelancongan yang inovatif akan ditingkatkan. Ini termasuk promosi keindahan taman dan kebun, masakan yang enak, pelancongan kesenian, golf bagi wanita dan *trail* bunga. Pada Julai 2010, Malaysia telah melancarkan *1Malaysia Contemporary Art Tourism* (MCAT), yang akan berlangsung selama tiga bulan bermula pada bulan Julai hingga September setiap tahun, bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong yang berbelanja besar. Inisiatif MCAT bukan sahaja akan memperkenalkan hasil kerja seni artis tempatan bahkan menjadikan Malaysia sebagai hab seni di rantau ini. Selain itu, *Fabulous Food 1Malaysia* juga merupakan acara tiga bulan tahunan yang akan menonjolkan makanan tempatan yang terbaik. Inisiatif ini dijangka menyumbang kepada pencapaian sebanyak 24 juta ketibaan pelancong dan hasil RM59.2 bilion pada tahun 2010.

Memantapkan Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi

ICT merupakan pemacu utama untuk menggalakkan sumber pertumbuhan yang bernilai tambah tinggi. Penggunaan ICT yang meluas bukan sahaja akan menyokong pertumbuhan tetapi juga meningkatkan produktiviti dan daya saing. Menyedari hal ini, Kerajaan akan terus membantu pembangunan industri ICT melalui pelbagai inisiatif seperti menaiktaraf infrastruktur dan rangkaian teknologi

maklumat (IT), meningkatkan penggunaan IT meliputi semua sektor ekonomi dan menyediakan pelbagai insentif. Industri ini dijangka mencapai momentum pertumbuhan yang lebih tinggi menerusi projek di bawah NKEA.

Jalur lebar merupakan pemangkin utama untuk merangsang pembangunan industri kandungan tempatan dan e-dagang, di samping memanfaatkan ekonomi menerusi peningkatan produktiviti. Bagi menggalakkan penggunaan jalur lebar, beberapa langkah telah diperkenalkan seperti pelepasan cukai ke atas langganan jalur lebar, mempromosi pemilikan komputer dengan pemberian pakej *netbook* dan jalur lebar kepada pelajar serta golongan berpendapatan rendah. RMKe-10 mensasarkan penembusan jalur lebar mencapai 75% isi rumah menjelang tahun 2015 berbanding 37.5% pada Jun 2010. Tambahan pula, pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dijangka meningkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar negara. Sehingga Ogos 2010, terdapat 10,625 pelanggan HSBB di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Sebanyak 1.3 juta premis di seluruh negara dijangka mendapat akses HSBB menjelang tahun 2012.

Mempergiatkan Industri Halal

Malaysia mempunyai potensi dalam membangunkan lagi industri halal. Ke arah ini, Kerajaan akan meminda Akta Perihal Dagangan 1972 untuk memberi kuasa kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam sebagai pihak berkuasa bagi pensijilan halal. Bagi memastikan sijil halal yang dikeluarkan mendapat pengiktirafan antarabangsa, JAKIM telah berkerjasama dengan beberapa institusi antarabangsa seperti *Australian Halal Food Services*, *Islamic Centre of the Argentine Republic*, *Islamic Food Council of Europe* dan *China Islamic Association*. Di samping itu, Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) yang membantu dalam pembangunan Halal *Parks* di Kelantan, Melaka, Selangor dan Terengganu telah diperbadankan sebagai

agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada Oktober 2009 untuk membolehkannya beroperasi dengan lebih efektif. HDC akan meneruskan usaha dalam menarik dan mewujudkan peluang pelaburan dalam industri halal.

Membangunkan Teknologi Hijau

Ke arah pengurusan persekitaran yang mapan, Kerajaan telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada Ogos 2009. Tujuan utama dasar ini adalah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan teknologi hijau. Sehubungan itu, Kerajaan telah menubuhkan dana berjumlah RM1.5 bilion untuk memberikan pinjaman mudah kepada syarikat pengeluar dan syarikat pengguna teknologi hijau. Skim ini telah memulakan operasi pada 1 Januari 2010 di bawah *Malaysia Green Technology Corporation*. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2010, sembilan pinjaman berjumlah RM132.3 juta telah dikeluarkan kepada lima syarikat pengeluar dan empat syarikat pengguna. Di samping itu, keutamaan akan diberikan kepada produk dan perkhidmatan mesra alam yang mematuhi piawaian teknologi hijau dalam perolehan Kerajaan. Usaha juga diambil untuk membangunkan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai bandar pelopor dalam teknologi hijau. Sehubungan ini, beberapa bangunan Kerajaan termasuk Pejabat Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan telah dikenal pasti untuk diubahsuai sebagai projek bangunan hijau berprestasi tinggi. Setelah siap, projek ini dijangka mengurangkan bil utiliti sebanyak 10% di setiap bangunan.

Menggalakkan Industri Kreatif

Kerajaan telah menubuhkan Dana Industri Kreatif bernilai RM200 juta pada 23 Oktober 2009 untuk membiayai aktiviti industri seperti penerbitan filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan. Pada September 2010, sebanyak RM16.3 juta telah dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) kepada 27 entiti. Bagi memastikan kebajikan artis terbela, Tabung Kebajikan Penggiat Seni telah

ditubuhkan pada 23 Oktober 2009, dengan geran pelancaran sebanyak RM3.0 juta. Sehingga Ogos 2010, sebanyak RM202,000 telah dikeluarkan kepada 39 artis di bawah program ini.

Memajukan Sektor Pertanian

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dalam Bajet 2010 untuk memodenkan sektor pertanian serta meningkatkan tahap sara diri dan menentukan bekalan makanan terjamin. Di bawah program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara, RM190.8 juta telah diperuntukkan untuk menaiktaraf dan meningkatkan infrastruktur sistem saliran dan pengairan bagi penanaman padi. Pada Julai 2010, sebanyak RM75.9 juta telah dibelanjakan dan memanfaatkan 8,345 petani. Di samping itu, pembinaan projek Empangan Paya Peda untuk meningkatkan bekalan air bagi Skim Pengairan Padi di Besut telah dimulakan pada 1 Jun 2010 dan dijangka siap menjelang 2014.

Bagi memodenkan industri akuakultur, 47 program latihan keusahawanan telah diadakan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, memanfaatkan 800 orang pembiak baka. Pelbagai usaha telah diambil untuk melaksanakan program inkubator bagi melatih dan membimbing golongan belia dan graduan untuk menjadi usahawan yang berjaya. Bagi tujuan ini, sebuah pusat inkubator di Kuala Kedah sedang dibina dan dijangka siap menjelang April 2011. Bagi membolehkan usahawan mengeksport lebih banyak hasil pertanian, Kerajaan mengambil beberapa usaha menaiktaraf fasiliti kargo udara. Sehubungan itu, MASKargo telah menaiktaraf kemudahan kargo udaranya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan memperluas kawasan gudang meliputi 5,700 meter persegi, memperkenalkan pelbagai inisiatif IT bagi meningkatkan kecekapan dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Mengalakkan Industri Pembinaan

Pelaksanaan projek pembangunan oleh Kerajaan akan meningkatkan lagi potensi industri pembinaan serta industri berkaitan bahan binaan. Pada tahun 2010, sejumlah RM4.7 bilion telah diperuntukkan

untuk projek jalan dan jambatan serta RM2.6 bilion untuk perkhidmatan bekalan air dan pembentungan. Di antara beberapa jalan yang dinaik taraf termasuk Jalan Rawang ke Tasek Puteri, Selangor; Jalan Ng Buai – Merinjau – Ulu Sepak di Betong, Sarawak dan Jalan Kota Marudu – Marak Parak – Melinsau – Poring – Ranau di Sabah. Sementara itu, projek perkhidmatan bekalan air dan pembentungan termasuk loji rawatan sedang dilaksanakan di beberapa negeri. Peruntukan juga telah disediakan untuk meningkatkan perkhidmatan laut dan pelabuhan di Pahang, Johor, Labuan dan Terengganu serta projek menaik taraf lapangan terbang di Kota Kinabalu, Labuan, Kuching, Sibul, Kota Bharu dan Ipoh.

Memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana

Memandangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mewakili 99.2% daripada semua perniagaan dan menyumbang 56.4% kepada jumlah guna tenaga, beberapa langkah telah diambil untuk membangun dan menambah baik potensi PKS. Bagi memastikan pentadbiran dana dan geran PKS yang cekap dan berkesan, 79 dana dan geran PKS berjumlah RM8.8 bilion yang diuruskan oleh pelbagai agensi telah dirasionalisasi menjadi 33 dana dan diselaraskan oleh SME Corp. Di samping itu, tempoh kelulusan pembiayaan mikro oleh institusi kewangan telah dipendekkan kepada purata enam hari, manakala pengeluaran wang pula dalam tempoh empat hari. Sementara itu, sebanyak RM200 juta telah disalurkan kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) termasuk RM20 juta kepada Skim Pembangunan Usahawan Muda India.

Memastikan Pembangunan Holistik dan Mapan

Kerajaan bertekad untuk mentransformasi negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi melalui pembangunan yang terangkum, seimbang dan mapan. Ke arah ini, keutamaan akan terus diberikan kepada memupuk modal insan berkemahiran tinggi, meningkatkan kecekapan Kerajaan dan memperkukuh pembangunan koridor.

Memupuk Modal Insan Berkemahiran Tinggi

Kerajaan terus memberi tumpuan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti dengan kos yang berpatutan. Ini dicerminkan oleh pembahagian peruntukan yang besar bagi pendidikan sebanyak 27.2% daripada jumlah perbelanjaan pada tahun 2010. Sehubungan ini, NKRA pendidikan memberi penekanan kepada empat bidang utama. Bidang tersebut adalah memantapkan pendidikan prasekolah, meningkatkan kadar literasi dan numerasi, membangunkan sekolah berprestasi tinggi dan *bai'ah* baru kepada guru.

Memantapkan Pendidikan Prasekolah

Menyedari pendidikan awal amat penting dalam mengejar ilmu pengetahuan, Kerajaan telah bersetuju supaya pendidikan prasekolah dijadikan sebagai sebahagian daripada arus perdana sistem pendidikan kebangsaan. Bagi meningkatkan pencapaian pelajar, NKRA pendidikan telah menetapkan sasaran 72% kadar enrolmen di peringkat prasekolah bagi tahun 2010 berbanding 67% bagi tahun 2009. Selain itu, kualiti dan jumlah guru serta pembantu prasekolah akan ditambah. Sehingga Ogos 2010, dianggarkan hampir 72% kanak-kanak di dalam kohort umur 4 hingga 5 tahun telah mendaftar di prasekolah termasuk yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan sektor swasta. Di samping itu, sebanyak 2,060 guru prasekolah daripada sektor swasta dan JPNIN telah dilatih.

Meningkatkan Kadar Literasi dan Numerasi

Sasaran NKRA adalah untuk meningkatkan kadar literasi dan numerasi (LINUS) pelajar tahun satu kepada 90% pada tahun 2010 berbanding 35.0% kadar literasi dan 45.0% kadar numerasi pada tahun 2009. Pada Ogos 2010, kadar literasi pelajar telah mencapai 65.0% dan kemahiran numerasi 74.0%. Fasilitator yang pakar telah ditempatkan di semua Pejabat Pendidikan

Daerah untuk membantu guru-guru bahasa dan matematik. Modul baru LINUS telah dibangunkan untuk membolehkan pelajar menguasai konsep berkaitan dengan mudah.

Mewujudkan Sekolah Berkualiti

Dalam usaha untuk terus meningkatkan lagi mutu pendidikan, Kerajaan telah memperkenalkan senarai kedudukan baru untuk membahagi sekolah berprestasi tinggi berdasarkan pencapaian akademik dan aktiviti ko-kurikulum. Sehingga kini, 20 sekolah telah dikelaskan sebagai sekolah berprestasi tinggi. Sekolah-sekolah ini akan diberikan fleksibiliti dari segi penentuan kurikulum, pemilihan kakitangan dan pelajar untuk menggalakkan inovasi dalam pengurusan sekolah dan meningkatkan prestasi pelajar. Sebagai tambahan, insentif sebanyak RM700,000 akan diberikan kepada semua sekolah tersebut di samping RM1,000 bagi setiap guru sekolah menengah dan RM700 bagi setiap guru sekolah rendah. Sekolah berprestasi tinggi ini akan menjadi penanda aras dan perlu membuat jaringan perhubungan dengan sekolah lain di sekitar kawasan mereka melalui perkongsian kemudahan dan kemahiran untuk mengurangkan jurang prestasi.

Bai'ah Baru kepada Guru Besar dan Guru

Sebagai menghargai peranan guru dalam meningkatkan pencapaian pelajar dan mutu pendidikan di sekolah, 'Bai'ah Baru' untuk memotivasikan lagi guru telah diumumkan pada Mei 2010. Melalui tawaran baru ini, guru besar dan guru yang telah meningkatkan kedudukan sekolah mereka akan menerima RM7,500 sementara 5% daripada guru berprestasi tinggi akan menerima RM1,800 manakala selebihnya akan menerima RM900 berasaskan penilaian prestasi tahunan. Sistem pemantauan atas talian bagi guru yang bertugas di kawasan luar bandar telah juga dilaksanakan untuk memastikan penempatan yang cekap dan lebih adil.

Mengiktiraf Pelajar Cemerlang

Sebagai sebahagian daripada usaha ke arah meningkatkan prestasi dan memupuk budaya kecemerlangan di kalangan pelajar, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan ditukar menjadi biasiswa bagi pelajar yang mendapat ijazah kepujian kelas pertama. Pada September 2010, seramai 2,162 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta layak menerima biasiswa ini dengan perbelanjaan RM59.7 juta. Sebagai tambahan, pada Julai 2010, Kerajaan bersetuju mengiktiraf kecemerlangan akademik dengan menawarkan biasiswa kepada semua pelajar yang berjaya mendapat 9A+ atau lebih dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Meningkatkan Kebajikan Pelajar

Satu pakej *netbook* istimewa termasuk perkhidmatan jalur lebar percuma telah diperkenalkan pada Januari 2010 bagi membolehkan pelajar universiti daripada keluarga berpendapatan rendah mengakses kemudahan ICT. Sebagai permulaan, pakej ini akan ditawarkan kepada 100,000 pelajar secara ansuran bulanan RM50 bagi tempoh dua tahun. Sehingga September 2010, Kerajaan telah membelanjakan RM3.7 juta bagi program ini yang memanfaatkan 87,343 pelajar.

Sehingga Januari 2010, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah memberi diskaun 50% ke atas tambang perjalanan jauh bagi pelajar Malaysia yang berumur 13 tahun dan ke atas melalui 1Malaysia KTM Diskaun Kad. Inisiatif ini adalah untuk meningkatkan lagi kebajikan pelajar, terutamanya mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah. Kerajaan menanggung kos mencetak kad diskaun tersebut serta menampung kehilangan pendapatan KTMB dengan perbelanjaan sebanyak RM4.0 juta. Pada Jun 2010, bilangan pelajar yang mendapat manfaat daripada skim ini adalah 53,190 orang.

Program PERMATA

Sebagai tambahan kepada Program Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA Negara), empat lagi program PERMATA telah diperkenalkan pada tahun 2010. Program ini tertumpu kepada menggilap bakat seni (PERMATA Seni), membimbing kepintaran luar biasa pelajar (PERMATA Pintar), memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam (PERMATA Insan) dan melatih remaja agar lebih bertanggungjawab dan menyumbang secara positif kepada masyarakat (Perkasa Remaja). Program PERMATA Negara akan diperluaskan kepada 220 pusat asuhan kanak-kanak pada tahun 2010, menjadikan jumlah pusat keseluruhannya sebanyak 647 semenjak ia ditubuhkan pada tahun 2007. Pada masa yang sama, program PERMATA Seni telah dilancarkan pada Januari 2010 dan mempunyai dua komponen utama, iaitu koir dan muzik. Koir telah membuat persembahan di peringkat tempatan dan antarabangsa, sementara komponen muzik pula melibatkan bengkel, perkhemahan cuti sekolah serta persembahan.

Antara aktiviti di bawah program PERMATA Pintar termasuk ujian khas *Intelligence Quotient* (IQ) yang telah dijalankan ke atas hampir satu juta pelajar bagi mengenal pasti pelajar pintar. Sebagai tambahan, perbincangan sedang berjalan dengan *Johns Hopkins University* bagi melatih pensyarah dan juga mengendalikan perkhemahan musim panas bagi pelajar-pelajar di Washington DC. Bagi program PERMATA Insan, kurikulum yang komprehensif sedang dibangunkan melalui rundingan dengan pakar dalam bidang pengajian Al-Quran, sains, kerohanian, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Pemilihan pelajar sedang dibuat di mana hampir 9,000 telah dinilai, dengan kelompok pertama yang terdiri daripada 50 peserta dijangka menghadiri latihan dalam Disember 2010. Program Perkasa Remaja dibahagi kepada dua aktiviti iaitu Kem Perkasa Remaja bagi memperbaiki sikap Mat Rempit dan Komuniti Perkasa Remaja untuk meningkatkan kesedaran sivik di kalangan remaja.

Membanteras Rasuah

Kerajaan terus melaksana inisiatif di bawah NKRA rasuah untuk memperkukuh lagi kepercayaan awam dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan. Sejajar dengan ini Akta *Whistle Blower* telah diluluskan pada 6 Mei 2010 dan diwartakan pada 10 Jun 2010. Bagi meningkatkan ketelusan dan *value-for-money* dalam Perolehan Kerajaan, maklumat pemberian kontrak telah disiarkan dalam portal *MyProcurement* di laman sesawang Kementerian Kewangan mulai April 2010. Sehingga Oktober 2010, maklumat mengenai 3,716 tender yang telah diberikan boleh disemak secara atas talian. Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan pada 8 Mac 2010 kepada penjawat awam mengenai tindakan yang bersesuaian yang patut diambil berhubung dengan surat sokongan.

Sebagai tambahan, untuk mengukuhkan lagi keyakinan dan integriti, Kerajaan komited untuk mempercepatkan pendakwaan ke atas kes rasuah. Untuk ini, 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan 4 buah Mahkamah Tinggi Khas Rayuan Kes Rasuah sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2010. Tiga Mahkamah Sesyen Khas Rasuah akan ditubuhkan di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor, manakala sebuah Mahkamah Sesyen akan ditubuhkan di Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Dua buah Mahkamah Tinggi Khas Rayuan Kes Rasuah akan ditempatkan di Kuala Lumpur, dan dua lagi di Selangor dan Johor.

Mengukuhkan Koridor Pertumbuhan

Lima koridor pertumbuhan iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk merangsang pembangunan wilayah ke arah pencapaian pertumbuhan yang seimbang dan merapatkan jurang pendapatan.

Untuk memastikan kejayaan pembangunan di lima wilayah ini dan memudahkan aktiviti sektor swasta, Kerajaan telah melabur dalam infrastruktur dan menyediakan kemudahan asas serta melaksanakan projek latihan dan sosioekonomi. Sejumlah RM7.0 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Daripada 181 projek yang telah disemak semula, 162 projek telah dilaksanakan, manakala 19 projek akan dilaksanakan. Bagi tahun 2010, peruntukan RM3.4 bilion telah disediakan untuk lima koridor ini.

Di bawah RMKe-9, Iskandar Malaysia telah diperuntukkan RM2.3 bilion untuk melaksanakan 18 projek, di mana 16 projek sedang dilaksanakan manakala dua projek telah siap. Projek berimpak besar yang sedang dilaksanakan termasuk perumahan awam, pembersihan Sungai Segget, menaik taraf Lebuhraya Skudai – Senai dan sistem saliran di Johor Bahru. NCER telah diperuntukkan RM636 juta bagi 33 projek. Projek utama di dalam wilayah ini termasuk menambah baik sistem pengairan dan saliran di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) serta menubuhkan Institut Kemajuan Sains Gunaan dan Teknologi. Bagi ECER, RM1.3 bilion telah diperuntukkan untuk 67 projek, terutama industri pelancongan, pertanian dan petrokimia. Antara projek besar adalah Pusat Industri Makanan Halal di Pasir Mas, Pembangunan Integrasi Nenas di kawasan Pekan – Rompin dan projek agropolitan di Kelantan Selatan, di kawasan Besut – Setiu dan Pekan.

Sejumlah RM1.3 bilion telah diperuntukkan kepada SDC bagi membiayai 54 projek infrastruktur dan pertanian. Ini termasuk Industri Kluster Kelapa Sawit di Lahad Datu, Pusat Integrasi Penternakan di Sandakan dan Keningau, infrastruktur bagi Hab Pendidikan Sandakan serta pembinaan jalan raya dua hala dari Lintas ke Libaran. Peruntukan sebanyak RM1.5 bilion telah diberikan kepada SCORE bagi melaksanakan sembilan projek termasuk jalan masuk ke Empangan Murum, taman Industri dan pembekalan air di Samalaju serta Lapangan Terbang Mukah.

Memantapkan Pentadbiran Kerajaan

Usaha terus diambil untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pentadbiran Kerajaan. Program, aktiviti dan perbelanjaan Kerajaan akan dipantau dengan rapi bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang optimum. Dasar dan garis panduan telah dikaji semula untuk memastikan ianya relevan dengan keadaan semasa.

Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan Kerajaan

Kerajaan terus komited untuk melaksanakan dasar fiskal berhemat yang menyokong inisiatif untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dan langkah pembaharuan strategik di samping memastikan kemapanan kedudukan kewangan awam dalam jangka masa sederhana. Bagi mencapai tujuan ini, perbelanjaan Kerajaan akan ditumpukan ke arah mencapai sasaran pembaharuan serta memastikan semua projek dan program pembangunan dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-9. Subsidi barangan terpilih akan terus dirasionalisasikan untuk menepati matlamat yang dikehendaki, sementara proses perolehan akan lebih telus bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan adalah berpatutan.

Bagi mengukuhkan perolehan hasil, langkah pembaikan yang berterusan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai melalui usaha bina upaya, penggunaan IT lebih luas serta sentiasa berkomunikasi dengan orang ramai untuk meningkatkan pematuhan cukai. Selain itu, inisiatif akan diambil melalui penjanaan hasil dari aset Kerajaan termasuk tanah, bangunan dan pegangan ekuiti. Inisiatif ini akan memudahkan penglibatan bermakna oleh sektor swasta dalam ekonomi. Langkah bagi mengukuhkan lagi kemapanan kewangan awam bukan sahaja menyediakan ruang fiskal bagi menghadapi risiko sistemik dan krisis secara lebih efektif tetapi juga keupayaan untuk membiayai inisiatif pembaharuan Kerajaan untuk menjadikan ekonomi lebih dinamik dan berdaya saing.

Rasionalisasi Subsidi

Kerajaan komited untuk menstruktur semula subsidi supaya ia menepati sasaran serta memanfaatkan golongan miskin dan mudah terjejas. Sebagai langkah permulaan, Kerajaan telah menstruktur semula subsidi minyak dan gula pada 15 Julai 2010. Subsidi ke atas RON95 dan diesel telah dikurangkan sebanyak 5 sen seliter, harga RON97 akan tertakluk kepada apungan terkawal yang ditentukan oleh mekanisma harga pasaran secara automatik dan subsidi gas petroleum cecair (LPG) juga dikurangkan 10 sen sekilogram. Selain itu, harga gula telah dinaikkan 25 sen sekilogram.

Meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) telah memperkenalkan beberapa perubahan yang ketara bagi meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan. Sebagai contoh, purata masa yang diambil untuk mendaftar harta tanah di pejabat tanah telah dikurangkan daripada 144 hari kepada satu hari. Dengan penubuhan mahkamah perusahaan yang baru, kes-kes yang dahulunya mengambil masa beberapa tahun, kini dapat diselesaikan dalam masa sembilan bulan.

GTP yang bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan lebih berkesan telah dilancarkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencapai Wawasan 2020. Beberapa kementerian telah dikenal pasti bagi memastikan sasaran NKRA di bawah GTP tercapai. Ini termasuk: memerangi jenayah dibawah Kementerian Dalam Negeri, membanteras rasuah (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), meningkatkan infrastruktur asas di kawasan luar bandar (Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah), meningkatkan pengangkutan awam di bandar (Kementerian Pengangkutan), meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti) dan meningkatkan pencapaian pelajar (Kementerian Pelajaran). Pada masa yang

sama, Unit Penyampaian dan Perkhidmatan Prestasi (PEMANDU) telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh tenaga pakar daripada sektor awam dan swasta yang memantau kemajuan sasaran NKRA.

Pembangunan modal insan dan latihan kepada penjawat awam terus diberikan keutamaan. Pada September 2009, Kerajaan telah melancarkan Program *Cross-Fertilisation* dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi meningkatkan kefahaman terhadap operasi Kerajaan dan memudahkan urusan perniagaan serta meningkatkan kerjasama awam-swasta. Program ini dijangka memupuk kepimpinan yang mantap kepada pegawai di peringkat pengurusan. Pada Ogos 2010, seramai 38 pegawai yang terdiri daripada 22 pegawai Kerajaan dan 16 pegawai GLC telah menyertai program ini.

Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat

Kesejahteraan rakyat adalah menjadi keutamaan kepada Kerajaan. Usaha bersepadu telah diambil untuk memastikan keselamatan awam, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup, menambahbaik infrastruktur asas di luar bandar serta meningkatkan keberkesanan pengangkutan awam.

Mencegah Jenayah

Kerajaan komited untuk meningkatkan keselamatan awam supaya rakyat dapat hidup dan bekerja dalam persekitaran yang selamat. Sasaran NKRA bagi tahun 2010 adalah untuk mengurangkan indeks jenayah 5% dan kadar jenayah jalanan yang dilaporkan sebanyak 20%, mengurangkan kebimbangan berlakunya jenayah, mendakwa 2,000 lagi pesalah jenayah kekerasan dan meningkatkan tahap keyakinan orang ramai terhadap prestasi polis.

Bagi mencapai sasaran ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah termasuk penugasan semula polis dari tugas pentadbiran kepada tugas utama iaitu rondaan dan menjaga keselamatan.

Sehubungan itu, seramai 6,751 anggota polis telah ditugaskan semula dan 3,557 penjawat awam mengambil alih kerja pentadbiran untuk membantu pihak polis. Selain itu, 50 kawasan utama jenayah telah dikenalpasti diseluruh negara. Pada Jun 2010, 60 van dan 30 bas mini ditempatkan di kawasan ini sebagai balai polis bergerak. Sementara itu, Jadual Liga Balai ditubuhkan untuk menentukan senarai kedudukan balai polis berdasarkan keberkesanan dalam memerangi jenayah. Untuk meningkatkan rondaan dan memperbaiki tindak balas polis di kawasan bandar, sebanyak 404 buah motosikal telah ditambah sehingga September 2010.

Memandangkan masyarakat mempunyai peranan penting dalam mengurangkan jenayah, jumlah anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam telah ditingkatkan dengan ketara iaitu seramai 4,466 orang melalui program *Feet-on-Street*. Selain itu, aktiviti kepolisan komuniti melalui kegiatan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela telah dipertingkatkan, manakala program Rakan Cop digerakkan semula dengan 358,800 ahli. Inisiatif lain termasuk mempercepatkan perbicaraan kes jenayah kekerasan, menjalankan perbicaraan pada waktu malam dengan mendakwa pesalah pada hari yang sama jenayah dilakukan, pemasangan televisyen litar tertutup (CCTV) di kawasan utama jenayah, meningkatkan penyelenggaraan kemudahan oleh pihak berkuasa tempatan seperti menyediakan lampu di kawasan gelap, memasang sistem penggera serta menyediakan laluan berasingan untuk pejalan kaki dan motosikal dengan tujuan untuk menjadikan bandar sebagai tempat yang selamat.

Berikutan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jenayah, Indeks Jenayah dan Indeks Jenayah Jalanan Yang Dilaporkan merosot 15.0% dan 39.0% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2010. Satu kajian yang dilakukan dari Disember 2009 hingga Mei 2010 menunjukkan bahawa kebimbangan terhadap jenayah merosot dari 58.5% kepada 55.1% dan tahap keyakinan masyarakat berhubung dengan prestasi polis telah meningkat dari 36.1% kepada 42.1%.

Meningkatkan Pendapatan dan Taraf Hidup

Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat, Bajet 2010 antaranya akan terus menyediakan peruntukan bagi membasmi kemiskinan tegar dan kemiskinan di bandar; membantu golongan miskin dan mudah terjejas; meningkatkan pemilikan rumah; memperluas kemudahan kesihatan awam; dan memperkukuh jaringan keselamatan sosial.

Membasmi kemiskinan tegar

Kerajaan mensasarkan untuk membasmi 44,643 isi rumah miskin tegar menjelang akhir 2010. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM646 juta bagi bantuan kebajikan untuk membantu isi rumah miskin tegar. Daripada jumlah ini, RM162 juta diperuntukkan bagi Sabah dan Sarawak. Usaha bersepadu juga diambil untuk memastikan bantuan kebajikan diberikan pada hari pertama setiap bulan. Untuk terus membasmi kemiskinan tegar di kawasan luar bandar, Kerajaan telah meneruskan Program Skim Lonjakan Mega yang melibatkan pembangunan tanah bersepadu untuk pertanian. Sehingga Jun 2010, dari jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM141 juta untuk program ini, sebanyak RM75.0 juta telah dibelanjakan. Projek di bawah program ini telah dilaksanakan di 11 kawasan luar bandar termasuk Ulu Awik dan Batang Lupar di Sarawak, Pulau Banggi dan Kota Marudu di Sabah. Hasil dari inisiatif ini, jumlah isi rumah miskin tegar berkurangan sebanyak 46.0% kepada 23,679 pada Ogos 2010. Selain itu, pengkalan data e-Kasih terus dikemaskini untuk mengenalpasti dan membantu golongan miskin.

Di bawah NKRA isi rumah berpendapatan rendah, usaha telah dipergiatkan untuk mengatasi masalah kemiskinan tegar. Di antara inisiatif yang diambil, adalah program Gerakan 1AZAM yang bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. Terdapat empat komponen dalam Gerakan 1AZAM, iaitu AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat. Sehingga Ogos

2010, sejumlah 7,125 isi rumah berpendapatan rendah telah dikenalpasti untuk menyertai AZAM Tani, diikuti dengan AZAM Niaga (2,584), AZAM Kerja (969) dan AZAM Khidmat (798).

Membantu Golongan Miskin dan Mudah Terjejas

Selaras dengan sasaran untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.8% menjelang akhir 2010, usaha telah dipergiatkan untuk memperkukuh keupayaan menjana pendapatan oleh golongan miskin luar bandar. Dalam Bajet 2010, sejumlah RM90.0 juta telah diperuntukkan bagi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) untuk melaksanakan program peningkatan pendapatan, latihan kemahiran dan bina upaya. Pada Ogos 2010, sejumlah RM14.2 juta telah dibelanjakan di bawah Program Peningkatan Pendapatan memanfaatkan 3,012 peserta. Sementara itu, RM4.1 juta telah dibelanjakan di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya yang memberi manfaat kepada 441 pelatih. Bagi menambahbaik pencapaian pendidikan, sebanyak RM4.8 juta telah dibelanjakan di bawah Program Kecemerlangan Pendidikan yang memanfaatkan 7,000 pelajar. Usaha juga telah diambil untuk menyediakan perumahan mampu milik dan memperbaiki rumah usang. Untuk tujuan ini, sebanyak RM30.6 juta telah dibelanjakan di bawah Program Bantuan Rumah memanfaatkan 1,368 isi rumah. Seramai 3,320 peserta tambahan telah menerima faedah daripada Program Pembangunan Minda Insan yang telah diusahakan dengan perbelanjaan RM6.5 juta. Selain itu, sehingga akhir Julai 2010, seramai 3,255 wanita telah menjalani program latihan kemahiran dan keusahawanan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Daripada jumlah ini, 31.0% telah menamatkan latihan manakala selebihnya masih lagi menjalani latihan.

Membasmi Kemiskinan Bandar

Untuk menangani masalah kemiskinan bandar, RM48.0 juta telah diperuntukkan bagi menyediakan

bantuan kebajikan dan bayaran sewa rumah. Sehingga September 2010, RM17.7 juta telah dibelanjakan untuk memberi bantuan kepada 25,659 isi rumah miskin di bandar. Di samping itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar melancarkan Pelan Strategik untuk tempoh 2010 hingga 2014 pada April 2010 bagi menangani masalah kemiskinan bandar secara holistik, termasuk memberi bantuan kepada isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Di samping itu, bagi mendorong warga miskin di bandar menceburi perniagaan kecil, RM60.5 juta telah dibelanjakan di bawah program Mikro Kredit Bandar yang diuruskan oleh AIM dan memanfaatkan 16,907 pemohon dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2010.

Meningkatkan Pemilikan Rumah

Usaha berterusan telah dilaksanakan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sejumlah 44,146 rumah kos rendah berharga antara RM21,500 dan RM35,000 seunit telah ditawarkan untuk dijual kepada penyewa semasa oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Pada Ogos 2010, seramai 23,239 penyewa telah bersetuju untuk membeli rumah yang ditawarkan. Di samping itu, sebanyak 61,136 rumah kos rendah ditawarkan untuk disewa di bawah JPN, yang mana 47,984 rumah telah diduduki. Untuk meningkatkan kuasa beli pembeli rumah, Kerajaan telah melancarkan Skim Pengeluaran Fleksibel pada Ogos 2010 yang membolehkan pencarum KWSP menggunakan simpanan sedia ada dan masa depan dalam Akaun 2, bagi mendapatkan pembiayaan yang lebih tinggi. Di antara inisiatif penting bagi menggalakkan pemilikan rumah, Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) pada Disember 2007 untuk menjamin pinjaman bank bagi mereka yang tidak berpendapatan tetap. Sehingga September 2010, SJKP telah memberi jaminan kepada 2,033 pinjaman perumahan yang berjumlah RM96.4 juta.

Menambah Kemudahan Kesihatan Awam

Pada tahun 2010, sejumlah RM3.6 bilion diperuntukkan bagi membina dan menaik taraf kemudahan hospital dan klinik. Pada Ogos 2010, sejumlah RM1.7 bilion dibelanjakan untuk pembesaran Institut Jantung Negara (IJN), pembinaan hospital di Tampin, Kluang dan Tampoi serta menaik taraf kemudahan hospital di Batu Pahat dan Kota Bharu. Tambahan pula, 51 premis telah diubahsuai menjadi Klinik 1Malaysia di kawasan bandar terpilih di Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Pada Ogos 2010, sebanyak 808,831 pesakit telah menerima rawatan di Klinik 1Malaysia di seluruh negara dengan purata seramai 70 pesakit sehari.

Memperkuh Jaringan Keselamatan Sosial

Kerajaan terus komited untuk menyediakan bantuan kebajikan kepada orang kurang upaya (OKU), warga emas dan ibu tunggal. Bagi mempertingkatkan peluang bekerja sendiri dan peluang mendapat pekerjaan OKU, sejumlah RM75.3 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti yang telah memanfaatkan 18,943 OKU pada September 2010. Di samping itu, sejumlah RM3.3 juta telah dibelanjakan untuk pembinaan dan menaik taraf empat buah Taman Sinar Harapan bagi OKU, sementara RM6.6 juta telah dibelanjakan untuk pembinaan dua Rumah Seri Kenangan bagi warga emas di Melaka dan Selangor. Selain itu, elaun bulanan telah dinaikkan daripada RM50 kepada RM150 untuk setiap kanak-kanak OKU yang berdaftar di sekolah pendidikan khas kelolaan badan bukan Kerajaan (NGO). Ini telah memanfaatkan 3,923 kanak-kanak OKU.

Sukuk 1Malaysia 2010

Bagi menyediakan peluang pelaburan dan meningkatkan pendapatan rakyat, Kerajaan telah menerbitkan Sukuk 1Malaysia 2010 berjumlah RM3.0 bilion pada 21 Jun 2010, yang mana sebanyak RM2.4 bilion telah dilanggan. Sukuk

1Malaysia menjamin kadar pulangan sebanyak 5.00% setahun yang akan dibayar setiap suku tahun dan memberi fleksibiliti kepada pemegang untuk membeli dan menjual sukuk tersebut sebelum tarikh matang. Seramai 74,781 pelabur telah melanggan Sukuk 1Malaysia dengan purata pegangan sebanyak RM32,078 di mana 41.7% daripada pelabur berkenaan adalah berumur 56 tahun dan ke atas.

Skim Persaraan 1Malaysia

Simpanan persaraan yang tidak mencukupi kekal menjadi isu penting bagi sebahagian besar rakyat Malaysia, khususnya golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap. Dengan itu, skim Simpanan Persaraan 1Malaysia telah dilancarkan pada Januari 2010 untuk membantu golongan tersebut. Skim ini adalah fleksibel dengan caruman minimum sebanyak RM50 hingga maksimum RM5,000 sebulan. Pencarum akan menikmati 5.00% sumbangan Kerajaan tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM60 setahun untuk tempoh lima tahun, di samping mendapat dividen tahunan yang diisytiharkan oleh KWSP. Pada Jun 2010, terdapat 14,786 pencarum dalam skim ini. Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia ini telah diperluaskan kepada suri rumah sejak 19 Julai 2010.

Pembangunan Harta Tanah Wakaf

Harta tanah wakaf akan dibangunkan di seluruh negara untuk memanfaatkan umat Islam terutamanya mereka yang layak melalui penjana pendapatan serta program pendidikan dan kebajikan sosial. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri sedang dalam proses membangunkan Wakaf *Mart* dan Bazar Wakaf Rakyat di masjid-masjid terpilih di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang disediakan oleh Kerajaan. Sejumlah 69 kawasan berpotensi telah dikenalpasti. Pada September 2010, 17 projek telah disiapkan, sementara 52 projek masih dalam pelaksanaan.

Memperkasa Prasarana Luar Bandar

Kerajaan telah memperhebat usaha untuk menambah baik infrastruktur luar bandar. Ini termasuk meningkatkan liputan bekalan elektrik dan air serta membina lebih banyak jalan raya dan rumah. Pada Ogos 2010, sebanyak RM93.0 juta telah dibelanjakan bagi menyediakan bekalan air bersih kepada 10,908 isi rumah, sementara liputan bekalan elektrik diperluaskan kepada 9,042 keluarga melibatkan perbelanjaan sebanyak RM317.4 juta. Tambahan lagi, 518.8 kilometer jalan luar bandar telah disiapkan dengan jumlah perbelanjaan RM756.2 juta. Di samping itu, RM58.7 juta telah dibelanjakan untuk membina 4,482 unit rumah.

Menambahbaik Pengangkutan Awam

Sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan cekap adalah penting untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup serta produktiviti. Dalam konteks ini, penambahbaikan pengangkutan awam di bandar telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada NKRA. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam, terutamanya bagi *Greater Kuala Lumpur* (Lembah Klang). Antara projek utama termasuk memperluaskan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), yang dijangka disiapkan pada akhir tahun 2013; penghantaran 35 set kereta api empat gerabak untuk aliran Kelana Jaya, di mana 17 set telah mula beroperasi pada September 2010; pengenalan empat laluan *Bus Expressway Transit* di *Greater Kuala Lumpur* (Lembah Klang), yang mengurangkan 50% masa perjalanan; dan pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) di Bandar Tasik Selatan, yang dijadual siap menjelang November 2010.

Bagi memudahkan dan memberi keselesaan kepada pengguna, beberapa laluan pejalan kaki berbumbung di stesen LRT utama dan kawasan tumpuan pelancong sedang dibina. Ini termasuk pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di stesen Pasar Seni, Bandaraya dan Jalan Hang Tuah yang dijangka siap pada akhir 2010. Bagi perkhidmatan bas, 1,011 bas RapidKL telah

diperoleh sejak tahun 2006 sehingga Oktober 2009. Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan bas yang cekap, tambahan sebanyak 400 bas RapidKL akan diperoleh, di mana penghantaran 75 buah bas akan diterima pada tahun 2010 dan bakinya pada tahun 2011. Seterusnya, untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan bas di Pulau Pinang, empat hab bas baru telah dibina di Bukit Jambul, Bandar Baru Farlim, Teluk Bahang and Sungai Nibong.

Dari segi keupayaan institusi, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah ditubuhkan pada Jun 2010 dengan tujuan untuk mengintegrasikan dasar dan perancangan, peraturan serta penguatkuasaan pengangkutan awam darat. Sebagai permulaan, fungsi Bahagian Pelesenan Kementerian Pelancongan, Jabatan Keretapi dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Komersial akan diletakkan di bawah SPAD. Proses penstrukturan semula masih berjalan dan dijangka dimuktamadkan pada akhir tahun 2010.

Pengurusan Ekonomi – 2011

Bajet 2011 yang merupakan belanjawan pertama RMKe-10 adalah penting dalam pembangunan ekonomi negara. Ia menandakan titik peralihan dalam proses mentransformasi ekonomi Malaysia ke arah sebuah negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi berdasarkan prinsip keterangkuman dan kemapanan seperti yang dijangkakan di bawah NEM. Bajet ini akan memperhebat usaha ke arah pencapaian sasaran NKRA serta melaksanakan program dan projek di bawah RMKe-10 dan NKEA.

Isu dan Cabaran

Pengurusan ekonomi pada tahun 2011 akan menekankan strategi dan langkah untuk mentransformasikan negara menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Meskipun Malaysia mempunyai kelebihan berbanding dalam beberapa bidang, termasuk pembuatan, perkhidmatan kewangan dan

pelancongan serta mempunyai infrastruktur fizikal terbaik dan sistem perbankan yang kukuh, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani ke arah mencapai Wawasan 2020.

Satu isu penting yang memerlukan tindakan serta-merta ialah tahap pelaburan swasta yang rendah. Walaupun pelbagai langkah untuk memperbaiki iklim pelaburan telah diambil, namun pelaburan swasta kekal rendah sejak krisis kewangan Asia dalam tahun 1997/98. Cabaran utama adalah mengatasi kekurangan modal insan mahir, produktiviti dan inovasi yang rendah serta memperbaiki lagi prosedur birokrasi. Isu berkaitan syarikat di peringkat *start-up* dalam mendapatkan pembiayaan dan kesukaran dalam mengakses pasaran khususnya dalam sektor perkhidmatan akan juga diatasi.

Isu berkaitan pembangunan modal insan terus menjadi perhatian. Pergantungan tinggi kepada buruh asing serta keengganan syarikat untuk menerima pakai automasi dan teknologi baru telah menyumbang kepada upah yang rendah. Tambahan lagi, terdapat kekurangan dalam pewujudan pekerjaan bergaji tinggi, sementara upah pula adalah tidak kompetitif. Ini adalah antara sebab peningkatan bilangan rakyat Malaysia yang mahir bekerja di luar negara. Peraturan buruh yang tidak selaras dengan perkembangan semasa telah menjejaskan pasaran buruh dan mengakibatkan kos perniagaan meningkat. Di samping itu, sistem pendidikan tidak menghasilkan kepakaran dan kemahiran yang memenuhi permintaan industri.

Walaupun kadar kemiskinan dapat dikurangkan dengan jayanya melalui pelbagai program bantuan sosial, ketidakseimbangan pendapatan masih menjadi satu cabaran. Sejumlah 40.0% isi rumah terendah mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,300 sebulan, kebanyakannya memiliki tahap kemahiran yang rendah serta peluang untuk menjana pendapatan adalah terhad. Kekurangan liputan infrastruktur asas di kawasan luar bandar seperti bekalan elektrik tanpa gangguan dan air bersih serta rangkaian jalan yang tidak mencukupi telah meluaskan jurang pembangunan antara bandar-luar bandar. Tambahan pula, kadar urbanisasi yang pesat telah

memberi tekanan kepada penyediaan kemudahan asas serta penyediaan peluang pekerjaan kepada golongan miskin bandar.

Dalam pengurusan kewangan awam, kebergantungan yang tinggi ke atas hasil petroleum yang merangkumi 40% daripada jumlah hasil Kerajaan merupakan satu isu yang memerlukan perhatian. Justeru, isu utama dalam pengurusan fiskal ialah mempelbagaikan sumber hasil. Tambahan pula, perbelanjaan mengurus meningkat pada kadar yang lebih cepat daripada hasil, manakala pinjaman juga menunjukkan trend yang meningkat. Di samping itu, terdapat keperluan bagi mengimbangi perbelanjaan untuk pembangunan dan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dalam jangkamasa sederhana.

Inisiatif Strategik – Bajet 2011

Setelah mengambil kira isu dan cabaran dalam mencapai objektif NEM, Bajet 2011 dengan tema “**Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi**” adalah berpandukan kepada empat strategi, iaitu merancak pelaburan swasta; mempergiat pembangunan modal insan; menambah baik kualiti hidup; dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam.

Merancak Pelaburan Swasta

Pelaburan swasta disasar berkembang 12.8% atau RM115 bilion setahun untuk mengekalkan pertumbuhan 6.0% dalam tempoh RMKe-10. Untuk memastikan sasaran ini dicapai, Kerajaan akan mempergiatkan lagi pelaburan dalam sektor perkhidmatan, dengan tumpuan dalam bidang *niche* seperti pasaran modal dan perkhidmatan kewangan, pelancongan, ICT serta perkhidmatan kesihatan dan perniagaan. Tambahan lagi, pelaburan swasta akan dipercepatkan untuk membangunkan lagi aktiviti hiliran petroleum dan komoditi pertanian. Aktiviti nilai tambah pembuatan, terutamanya industri elektrik dan elektronik (E&E) akan diberi keutamaan. Potensi nilai yang unik dalam pelbagai koridor pertumbuhan akan terus digunakan bagi menarik pelaburan swasta. Di samping itu, perkongsian awam-swasta juga

akan membuka peluang untuk peningkatan pelaburan dalam bidang strategik dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi. PKS yang merupakan tulang belakang ekonomi akan terus dibangunkan dan digalakkan untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global. Dana dan khidmat nasihat akan disediakan untuk membantu syarikat dan perniagaan di peringkat *start-up*. Sementara itu, usaha akan terus diperhebat untuk meningkatkan lagi daya saing perkhidmatan dan produk Malaysia untuk membina jenama yang diiktiraf di peringkat global dan seterusnya bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Mempergiat Pembangunan Modal Insan

Tenaga kerja mahir dan berpengetahuan merupakan prasyarat bagi sebuah ekonomi berasaskan inovasi dengan industri bernilai tambah tinggi. Membangunkan tenaga kerja sedemikian bermula dengan sistem pendidikan yang menyediakan asas yang kukuh bagi kemahiran literasi dan numerasi serta menyemai semangat untuk memajukan diri dan meningkatkan pengetahuan. Sehubungan itu, akses dan kualiti pendidikan akan diperbaiki dengan menyediakan pelbagai insentif untuk sekolah dan guru cemerlang. Kemahiran asas yang diperolehi melalui pendidikan di peringkat awal adalah penting untuk membina dan mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh yang demikian, program pendidikan awal akan diperkukuh dengan menambahbaik kurikulum serta meningkatkan jumlah kelas dan guru prasekolah. Usaha akan diambil untuk menstruktur semula kurikulum sekolah rendah dan manambahbaik pendidikan menengah. Program pendidikan dan latihan vokasional akan ditingkatkan ke arah penambahbaikan dan kepelbagaian kemahiran bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk tenaga kerja mahir. Dalam memastikan pendapatan yang mapan dan pembangunan tenaga kerja berkualiti, Kerajaan sedang dalam proses merumus dasar gaji minimum. Ini dijangka akan menggalakkan industri untuk bergerak ke arah rantai nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan permintaan bagi pekerja mahir, seterusnya mengurangkan ketergantungan kepada pekerja asing kurang mahir.

Menambah Baik Kualiti Hidup

Kerajaan komited untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat bagi memastikan manfaat pembangunan dikecapi oleh semua lapisan masyarakat. Bagaimanapun, golongan mudah terjejas dan yang kurang bernasib baik memerlukan bantuan Kerajaan untuk menikmati taraf hidup yang baik. Sehubungan itu, Kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta dan memperkasa NGO untuk membantu warga emas, OKU, ibu tunggal dan golongan yang tidak berumah. Memperkasakan wanita kekal sebagai satu agenda penting Kerajaan. Ke arah ini, usaha akan diperhebat untuk melaksanakan bajet yang responsif *gender* bagi memenuhi keperluan dan kepentingan kaum wanita. Program perumahan mampu milik akan diperluaskan merangkumi rakyat di kawasan luar bandar, kampung baru dan estet, sementara skim sokongan bayaran sewa akan diteruskan. Semakan semula program yang komprehensif untuk Orang Asli dan Pribumi untuk memastikan ianya relevan dan berkesan. Program infrastruktur asas luar bandar di bawah NKRA bagi menyediakan akses jalan yang baik dan kemudahan awam akan diteruskan. Di kawasan bandar, khususnya di *Greater* Kuala Lumpur (Lembah Klang), ketidakcekapan pengangkutan awam kekal sebagai satu cabaran. Sehubungan ini, SPAD akan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat yang komprehensif bagi menyelesaikan isu pengangkutan, sementara usaha akan diambil untuk menambah baik perkhidmatan bas dan rel, termasuk sistem pembayaran tambang.

Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup. Sehubungan ini, langkah akan diambil untuk pembangunan alam sekitar yang mapan termasuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau, meningkatkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui serta menggalakkan pembinaan bangunan hijau dan *retrofitting* bangunan lama untuk menjimatkan penggunaan tenaga. Untuk menambahbaik akses kepada perkhidmatan kesihatan, inisiatif Klinik 1Malaysia akan diperluaskan dan klinik bergerak akan ditubuhkan di kawasan luar bandar. Penglibatan dalam aktiviti sukan akan meningkatkan kecergasan fizikal dan

mempromosi gaya hidup sihat. Dalam konteks ini, industri sukan akan terus dibangunkan dan tahun 2011 akan diisytiharkan sebagai Tahun Industri Sukan Nasional. Walaupun kemajuan yang memberangsangkan telah dicapai melalui NKRA jenayah, langkah tambahan akan diperkenalkan untuk meningkatkan lagi keselamatan awam.

Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam

Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi sektor swasta untuk berkembang maju dan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Sektor awam perlu terus melakukan perubahan minda dan memberi respon kepada harapan tinggi rakyat. Lantaran itu, agensi Kerajaan akan distrukturkan semula secara sistematik dan diperkukuhkan lagi bagi meningkatkan produktiviti. Tambahan pula, penggunaan aplikasi e-kerajaan akan dipertingkatkan, sementara *cloud computing* untuk perkhidmatan perkongsian ICT akan dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kompetensi kakitangan sektor awam, pelbagai langkah akan diperkenalkan untuk menggalakkan kakitangan sokongan meningkatkan kemahiran dan menambahkan pengetahuan serta memperkukuhkan prospek kerjaya. Sistem penilaian akan dikaji semula untuk memastikan prestasi sejajar dengan ganjaran dan pembangunan kerjaya. Prestasi Duta Besar dan pegawai yang bertugas di luar negara juga akan dipertingkatkan lagi dengan pelaksanaan KPI spesifik. Tambahan lagi, pengurusan kewangan sektor awam akan diperbaiki melalui pelbagai langkah termasuk pembaharuan fiskal dan menyusun semula fungsi semua kementerian dan agensi.

Prospek bagi 2011

NEM menyediakan hala tuju dasar bagi pertumbuhan jangka masa panjang, sementara RMKe-10 menggariskan strategi rangka kerja

jangka masa sederhana dengan menjelaskan sasaran pertumbuhan secara terperinci serta menyediakan program dan projek khusus. Bajet 2011 memperincikan langkah dan sumber ke arah mencapai matlamat sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Dengan pelaksanaan program dan projek di bawah Bajet 2011 serta prospek ekonomi global dan perkembangan perdagangan yang sederhana, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan 5.0% – 6.0%. Pertumbuhan ini akan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya perbelanjaan swasta. Pertumbuhan dijangka menyeluruh, didorong oleh perkembangan kukuh sektor pembuatan dan perkhidmatan dalam persekitaran harga yang stabil dengan inflasi dijangka berada di bawah 3.0%. Pendapatan per kapita dijangka meningkat 6.0% dari RM26,355 pada tahun 2010 kepada RM27,950 pada tahun 2011 atau dari segi pariti kuasa beli dari USD14,102 kepada USD16,028.

Sementara itu, penekanan terus diberikan ke atas pembaharuan fiskal bagi meningkatkan lagi kecekapan dan memastikan perbelanjaan Kerajaan adalah berpatutan serta perluasan sumber hasil dijangka akan mengurangkan lagi defisit fiskal kepada 5.4%. Sebagai kesimpulan, pencapaian strategi Bajet 2011 dan sasaran pertumbuhan bergantung kepada keupayaan semua rakyat Malaysia untuk menghadapi cabaran. Daya saing negara bergantung pada kecekapan sektor awam dan swasta. Ke arah ini, entiti swasta perlu bertindak balas secara positif terhadap inisiatif pembaharuan yang diambil oleh Kerajaan melalui NEM dan mengambil peluang yang ada dalam NKEA. Memandangkan pertumbuhan pada tahun 2011 akan dipacu oleh sektor swasta, firma dan perniagaan perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kerajaan pula akan berusaha dengan gigih untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menyediakan persekitaran yang mesra perniagaan. Justeru, adalah menjadi kewajipan kepada semua rakyat Malaysia untuk melipat gandakan usaha dan memberikan sokongan tidak berbelah bagi ke arah mencapai aspirasi negara menjadi sebuah negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi.

Transformasi ke Arah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi

Pengenalan

Sejak sedekad yang lalu, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia semakin perlahan, sebahagian besarnya berpunca daripada pelaburan swasta yang menyusut dalam purata 25% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 10% selepas krisis kewangan Asia. Ini ditambah lagi dengan kekurangan pekerja mahir dan profesional serta produktiviti buruh yang lebih rendah berbanding negara Asia lain yang berpendapatan tinggi seperti Republik Korea, Singapura dan Taiwan.

Kekangan ini menghalang Malaysia keluar daripada perangkap ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi, berteraskan pengetahuan dan berpacuan inovasi. Ke arah ini, Kerajaan telah menggubal satu rangka tindakan yang mengandungi empat tonggak transformasi negara bagi memacu negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi untuk mencapai Wawasan 2020.

Empat Tonggak Untuk Mencapai Wawasan 2020

Ke arah mencapai status negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah berasaskan empat tonggak, seperti berikut:

- 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan;
- Program Transformasi Kerajaan (GTP);
- Program Transformasi Ekonomi (ETP); dan
- Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

CARTA 1
Empat Tonggak Transformasi Negara



Sumber: Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

- **1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan** bertujuan untuk menyatukan seluruh rakyat Malaysia bagi menghadapi cabaran masa depan, menekankan integrasi nasional dan semangat saling menerima. Lapan nilai teras ialah ketabahan, budaya kecemerlangan, penerimaan, kesetiaan, pendidikan, sifat rendah diri, integriti dan meritokrasi.
- **GTP** bertujuan untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam dengan memberi tumpuan kepada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

JADUAL 1

Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara

Penunjuk	Sasaran
1. Mengurangkan Jenayah	
• Indeks Jenayah	• Pengurangan 5% setiap tahun untuk tempoh 3 tahun (2010 – 2012).
• Indeks Jenayah Jalanan	• Pengurangan 20% jenayah jalanan menjelang Disember 2010.
2. Membanteras Rasuah	
• Mendapat semula keyakinan awam terhadap agensi pengawalselia dan penguatkuasaan	• Meningkatkan nisbah berikut pada tahun 2010: ◦ Jumlah kes didakwa: jumlah tangkapan pengedaran dan pemilikan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya daripada 75% kepada 80%. ◦ Jumlah saman yang diselesaikan: saman yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada 50% kepada 61% dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) daripada 60% kepada 78%. ◦ Jumlah kes yang didakwa: jumlah tahanan dan tangkapan di bawah Akta Imigresen daripada 53% kepada 60%. ◦ Meningkatkan cukai yang diperolehi semula daripada barangan yang diisytiharkan di bawah harga sebenar daripada RM9 juta kepada RM21 juta.
• Mengurangkan ketirisan dalam perolehan Kerajaan	• Mengurangkan bilangan penemuan audit terhadap salah urus perolehan bagi setiap kementerian yang disampel daripada 11.2 kepada 10.6 pada tahun 2010.
• Menangani rasuah besar	• Meningkatkan penyelesaian perbicaraan dalam tempoh satu tahun daripada 8.5% kepada 30% pada tahun 2010.
3. Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar	
• Prasekolah	• Meningkatkan kadar enrolmen untuk kanak-kanak berumur antara 4 – 5 tahun kepada 72% (2010) dan 87% (2012).
• Kemahiran literasi dan numerasi (LINUS) di sekolah rendah	• Literasi – 90% daripada jumlah pelajar Tahun 1 pada tahun 2010. • Numerasi – 90% daripada jumlah pelajar Tahun 1 pada tahun 2010.
• Sekolah Berprestasi Tinggi	• Mewujudkan 100 sekolah berprestasi tinggi menjelang tahun 2012.
• Memberi ganjaran terhadap kepimpinan berprestasi tinggi	• 2% guru besar dan pengetua yang melepasi sasaran pada tahun 2010.
4. Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah	
• Miskin tegar dan isi rumah berpendapatan rendah	• Miskin tegar: ◦ Membasmi 44,643 isi rumah yang miskin tegar kepada sifar menjelang akhir tahun 2010. • Miskin: ◦ Mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.6% kepada 2.8% menjelang akhir tahun 2010. • Usahawan wanita: ◦ Melatih dan membangunkan 2,000 usahawan wanita menjelang akhir tahun 2010. • Perumahan: ◦ Menawarkan 44,146 rumah untuk dijual di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada penyewa sedia ada menjelang akhir tahun 2010. ◦ Menawarkan 61,136 rumah untuk disewa di bawah PPR, Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada isi rumah berpendapatan rendah menjelang akhir tahun 2010.

Penunjuk	Sasaran
5. Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar	
• Membina dan menaik taraf jalan raya	• Membina dan menaik taraf lebih daripada 7,000 kilometer jalan menjelang tahun 2012, termasuk 1,900 kilometer di Sabah dan Sarawak.
• Membekalkan air bersih atau air yang dirawat	• Membekalkan air bersih atau air yang dirawat kepada lebih 360,000 tambahan isi rumah menjelang tahun 2012.
• Menyediakan akses kepada bekalan elektrik	• Menyediakan akses kepada bekalan elektrik 24 jam untuk lebih 140,000 tambahan isi rumah pada tahun 2012.
• Membina dan membaiki pulih rumah	• Membina dan membaiki pulih 50,000 rumah untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar menjelang tahun 2012, di mana dua pertiga adalah di Sabah dan Sarawak.
6. Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	
• Menyelaraskan kapasiti sistem yang sudah mencapai hadnya	• Meningkatkan kapasiti KTM Komuter dan Transit Aliran Ringan (LRT) sebanyak 1.7 hingga 4 kali ganda menjelang tahun 2012. • Meningkatkan pengguna pengangkutan awam antara 6% hingga 9% atau 35,000 hingga 55,000 semasa waktu puncak pagi menjelang tahun 2012. • Menambah 850 buah bas menjelang tahun 2012 (75 pada tahun 2010).
• Menarik rakyat menggunakan pengangkutan awam	• Mewujudkan tiket dan struktur tambang berintegrasi di kalangan 16 operator di Lembah Klang. • Menambah kira-kira 6,800 parkir baru di 14 stesen rel di luar kawasan pusat bandar menjelang tahun 2012 (4,713 pada tahun 2010). • Meningkatkan jaringan fizikal antara mod pengangkutan, contohnya menyediakan laluan pejalan kaki tertutup. • Menyediakan sistem teknologi maklumat (IT) yang berintegrasi dan melaksanakan penguatkuasaan yang bersepadu.
• Menghalang kenderaan berat dari memasuki Kawasan Perniagaan Pusat	• Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Bandar Tasik Selatan akan mula beroperasi pada bulan Mac 2011. • ITT Gombak dijangka siap pada tahun 2012. • ITT Sungai Buloh dijangka siap selepas tahun 2012.
• Penyusunan semula kawal selia	• Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan beroperasi sepenuhnya pada akhir 2010.

Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan.

- **Model Baru Ekonomi (NEM)** melalui **ETP** bertujuan untuk transformasi Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kemapanan. ETP mengandungi lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang menjadi penggerak dan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berpotensi tinggi untuk menjana pertumbuhan.

CARTA 2


Matlamat Model Baru Ekonomi



Sumber: Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

CARTA 3

Lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik dan Langkah Dasar Terpilih



Sumber: Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

CARTA 4

Bidang Ekonomi Utama Negara



Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

- **RMKe-10** bertujuan untuk melaksanakan objektif dasar ETP dan GTP kepada program dan projek serta menyediakan pembiayaan pembangunan untuk merealisasikan matlamat Wawasan 2020. RMKe-10 memberi tumpuan kepada lima teras strategik utama, iaitu merangka falsafah dan pendekatan Kerajaan ke arah transformasi Malaysia berpandukan metodologi NKRA; mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menjana pertumbuhan ekonomi; menuju ke arah pembangunan sosioekonomi yang merangkumi kesemua rakyat; membangun dan mengekalkan asas modal insan bertaraf dunia; dan menyediakan persekitaran untuk meningkatkan kualiti hidup. Dalam tempoh RMKe-10, Kerajaan meletakkan sasaran untuk mencapai purata pertumbuhan KDNK sebanyak 6% setahun.

Kesimpulan

Kerajaan telah merangka satu rangka tindakan yang berasaskan empat tonggak untuk menangani kekangan ke arah transformasi Malaysia kepada sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, perkara yang sama penting ialah tindakan segera dan anjakan minda rakyat untuk melakukan perubahan di samping meningkatkan produktiviti dan inovasi bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Sementara itu, komitmen dan kegigihan semua pihak yang berkepentingan amat penting dalam usaha menjadi sebuah negara maju.

